KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) TAHUN 2024 KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPK)

YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi, hari ini telah hadir menyempurnakan Majlis Penyerahan Program Kampung Angkat Madani (KAM) Tahun 2024 Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) yang diadakan di Dewan Serbaguna Taman Melodi, Kampung Parit Bilal, Batu Pahat, Johor yang merupakan inisiatif dan agenda nasional Kerajaan MADANI. Kejayaan ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan dalam menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup masyarakat. Majlis penyerahan KAM ini telah dimeriahkan dengan kehadiran penduduk setempat yang melebihi 700 orang.

Program Kampung Angkat MADANI merupakan suatu pendekatan *"whole of government"* yang menyentuh denyut nadi rakyat bagi melengkapi keperluan asas infrastruktur setiap kampung yang terpilih. Program ini memperlihatkan tekad Kerajaan MADANI menerusi penglibatan pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang dapat membantu memenuhi keperluan sesebuah kampung melalui komunikasi secara langsung dengan penduduk kampung dan permasalahan yang dialami, selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam memperkukuh nilai Ihsan demi memperkasa pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar.

KPK amat berbesar hati kerana turut diberi peluang dalam pelaksanaan program KAM tersebut. Bagi menyahut aspirasi Kerajaan, **Kampung Parit Bilal** dan **Kampung Parit Ahmad** yang merupakan rangkaian kampung di bawah pimpinan Jawantankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang sama, telah dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI di bawah KPK.

Dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta, pelbagai projek fizikal telah dilaksanakan di kampung angkat ini. Antaranya ialah menaik taraf Tabika KEMAS, Masjid, Surau, Dewan Serbaguna, Balai Raya, Sistem bekalan air bersih serta pemasangan lampu solar, selain menambah baik pagar tanah perkuburan, pembinaan gelanggang permainan serbaguna, pemasangan mercu dan juga papan tanda nama jalan.

Selain daripada itu, projek-projek bukan fizikal yang merangkumi aktiviti perkhidmatan sosial seperti Kursus Usahawan Coklat, gotong-royong membersihkan kawasan awam, sekolah dan landskap, program *outreach* TVET *MyCommodity*, membaik pulih kemudahan secara gotong-royong di Klinik Desa, surau dan dewan terbuka juga telah diadakan dalam tempoh pelaksanaan program KAM ini.

Program yang dilaksanakan pada Oktober 2024 yang lalu juga dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Batu Pahat dan Majlis Agama telah berjaya mengumpulkan pelajar Sekolah Menengah aliran Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) termasuk pelajar Tahfiz dari sekitar Batu Pahat bagi menceburi bidang kerjaya dalam TVET agrikomoditi.

Inisiatif yang telah memberi manfaat kepada pelbagai peringkat penduduk kampung ini turut melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian dan Agensi-agensi di bawahnya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (MPB), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Pejabat Daerah Batu Pahat, Pejabat Pembangunan Negeri Johor, JPKK dan pemimpin komuniti.

Kementerian percaya bahawa dengan kemudahan-kemudahan awam yang ditambah baik ini akan meningkatkan sosioekonomi, di samping memberi peluang kepada komuniti setempat untuk mengecapi kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
31 MEI 2025